


AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2003

P.U.(A) 103/2003

SENARAI PINDAAN :

BIL.	PINDAAN	TARIKH	CATITAN
1	P.U.(A)132/2003		
2	P.U.(A)237/2012		
3	P.U.(A)335/2012		
4	P.U.(A)78/2019		
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 8

14hb April 2003

*TAMBAHAN No. 38
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 103.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENGKOMPAUNAN
KESALAHAN) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 120(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) 2003**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2003.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

“pemindahan wang secara elektronik” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*].

Kesalahan yang boleh dikompaun

3. (1) Kesalahan di bawah subseksyen 12(5), seksyen 13, subseksyen 14(4), 15(4), 20(3), 26(2), 29(4), seksyen 47, 48, subseksyen 49(2), 50(1), 50(2), 50(3), 52(5), seksyen 55, subseksyen 56(6), 58(3), 61(3), 63(1), 64(1), 64(2), 65(2), 66A(2), 66D(3), 69(1A), 70(4), 72(7), 75(5), seksyen 76, subseksyen 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), 103(1), seksyen 110 dan subseksyen 115(1) Akta dan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di bawah mana-mana kaedah atau perintah yang dibuat pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66, 66G, subseksyen 69(1), 75(2), seksyen 88, 107 dan 127 Akta, ditetapkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Ketua Pegawai Polis, Pesuruhjaya Polis atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi polis menurut perenggan 120(1)(a) Akta.

(2) Kesalahan di bawah subseksyen 12(5), seksyen 13, subseksyen 14(4), 15(4), 20(3), 26(2), 29(4), seksyen 47, 48, subseksyen 49(2), seksyen 55, subseksyen 56(6), 58(3), 59(9), 61(3), 63(1), 64(1), 64(2), 66A(2), 66D(3), 69(1A), 70(4), 103(1), seksyen 110 dan subseksyen 115(1) Akta dan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di bawah mana-mana kaedah yang dibuat pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66, 66G, 88, 107 dan 127 Akta, ditetapkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Ketua Pengarah atau Pengarah atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah menurut perenggan 120(1)(b) Akta.

(3) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 48, subseksyen 50(1), 50(2), 50(3), 52(5), seksyen 55, subseksyen 58(3), 64(1), 64(2), 65(2), 70(4), 72(7), seksyen 76, subseksyen 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), seksyen 80, subseksyen 85(7), 86(3), seksyen 110 dan subseksyen 115(1) Akta dan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di bawah mana-mana kaedah yang dibuat pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 75 dan 88 Akta, ditetapkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Dato Bandar menurut perenggan 120(1)(c) Akta.

Pembayaran kompaun

4. (1) Apabila sesuatu tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, orang itu hendaklah membuat pembayaran kepada atau atas nama Ketua Pegawai Polis, Pesuruhjaya Polis atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi polis, Ketua Pengarah atau Pengarah atau mana-mana pegawai pengangkutan jalan yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama dan jawatan bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, atau Dato Bandar Kuala Lumpur, mana-mana yang berkenaan, sama ada secara—

(a) tunai;

(b) kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank; atau

(c) kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik yang lain.

(2) Suatu resit hendaklah dikeluarkan bagi setiap bayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(3) Resit yang dikeluarkan bagi maksud subkaedah (2) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan jika pembayaran dibuat melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik yang lain.

Borang tawaran mengkompaun kesalahan lalu lintas

5. Borang tawaran mengkompaun kesalahan lalu lintas yang terkandung dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini bolehlah digunakan bagi tujuan yang ditunjukkan di dalam kandungannya tetapi tiada penyimpangan daripada borang itu boleh menidaksahkan atau menjejaskan kesahan apa-apa kandungan yang dibuat setakat yang penyimpangan itu tidak mempunyai kesan substansial dan tidak dikira mengelirukan.

Pembatalan

6. Kaedah-Kaedah Lalu-lintas Jalan (Pengkompaunan Kesalahan) 1959 [*P.W. 178/1959*] dan Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan (Bandaraya Kuala Lumpur) (Pengkompaunan Kesalahan) 1977 [*P.U. (A) 170/1977*], dibatalkan.

JADUAL

BORANG (*FORM*)
[kaedah 5 (*rule 5*)]

KERAJAAN MALAYSIA (*GOVERNMENT OF MALAYSIA*)

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (*ROAD TRANSPORT ACT 1987*)

TAWARAN MENGGOMPAUNKAN KESALAHAN LALU LINTAS
(*OFFER TO COMPOUND TRAFFIC OFFENCES*)

Suatu aduan telah dibuat terhadap anda sebagai pemunya berdaftar/pemandu (*) kenderaan motor yang nombor pendaftaran semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dengan butiran yang berikut:

(*A complaint has been made against you as the registered owner/driver(*) of the motor vehicle bearing the registration number reasonably suspected of having committed an offence(s) under the Road Transport Act 1987 [Act 333] or any rules made under it with the following particulars*):

No. notis:
(*Notice no.*):

Pejabat/Balai:
(*Office/Station*):

Tarikh/Masa dikeluarkan:
(*Date/Time issued*):

Tempat kesalahan:
(*Place of offence*):

Tarikh/Masa kesalahan:
(*Date/Time of offence*):

Jenis/Nombor Pendaftaran Kenderaan Motor:
(Type/Motor Vehicle Registration Number):

Nombor Lesen Kenderaan Motor:
(Motor Vehicle Licence Number):

Jenis kesalahan (Type of offence(s))	Seksyen/Kaedah (Section/Rule)	Tawaran kompaun (Offer to compound)
--------------------------------------	-------------------------------	-------------------------------------

- (1)
- (2)
- (3)

2. Kompaun maksima bagi setiap kesalahan yang boleh dikenakan ialah RM300.00. Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 120(1)(...) Akta Pengangkutan Jalan 1987, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan yang tersebut dengan jumlah yang dinyatakan di atas.

(The maximum compound for each offence is RM300.00. In exercise of the powers conferred under paragraph 120(1)(...) of the Road Transport Act 1987, I hereby offer to compound the offence(s) with the amount as stated above).

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, pembayaran dikehendaki dibuat kepada atau atas nama** sama ada secara—

*(If the offer is accepted, payment should be made to or in the name of ** either by)—*

- (a) tunai di mana-mana; atau (in cash to any); or
- (b) kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank; atau (money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft); or
- (c) kad kredit atau pemindahan pembayaran secara elektronik yang lain. (credit card or other electronic fund transfers).

4. Tawaran ini berkuat kuasa sehingga Sekiranya tiada jawapan diterima selepas tarikh ini, tindakan saman akan diambil.

(This offer remains in force until If there is no response after this date, proceedings by summons will be instituted).

.....
(tanda tangan pegawai dan jawapan)

(**)

*potong yang tidak berkenaan
(delete whichever is inapplicable)

Dibuat 8 April 2003
[KP/BD/PJ/0.109/6; PN(PU²)460/XXXIX]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2003

IN exercise of the powers conferred by subsection 120(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Compounding of Offences) Rules 2003**.

(2) These Rules come into operation on 15 April 2003.

Definition

2. In these Rules unless the context otherwise requires—

“Act” means the Road Transport Act 1987 [Act 333];

“electronic fund transfers” shall have the same meaning as defined in section 2 of the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372].

Compoundable offences

3. (1) The offences under subsection 12(5), section 13, subsections 14(4), 15(4), 20(3), 26(2), 29(4), sections 47, 48, subsections 49(2), 50(1), 50(2), 50(3), 52(5), section 55, subsections 56(6), 58(3), 61(3), 63(1), 64(1), 64(2), 65(2), 66A(2), 66D(3), 69(1A), 70(4), 72(7), 75(5), section 76, subsections 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), 103(1), section 110 and 115(1) of the Act and any offences prescribed under any rules or order made in exercise of the powers conferred by sections 66, 66G, subsections 69(1), 75(2), sections 88, 107 and 127 of the Act, are prescribed as offences which may be compounded by a Chief Police Officer, a Commissioner of Police or any police officer not below the rank of Inspector specially authorized in writing by name or by office in that behalf by the Minister charged with the responsibility for the Police, in accordance with paragraph 120(1)(a) of the Act.

(2) The offences under subsections 12(5), section 13, subsections 14(4), 15(4), 20(3), 26(2), 29(4), sections 47, 48, subsections 49(2), section 55, subsections 56(6), 58(3), 59(9), 61(3), 63(1), 64(1), 64(2), 66A(2), 66D(3), 69(1A), 70(4), 103(1), section 110, and subsection 115(1) of the Act and any offence prescribed under any rules made in exercise of the powers conferred by sections 66, 66G, 88, 107 and 127 of the Act, are prescribed as offences which may be compounded by the Director General or Director or any road transport officer specially authorized in writing by name or by office in that behalf by the Director General, in accordance with paragraph 120(1)(b) of the Act.

(3) The offences under section 48, subsections 50(1), 50(2), 50(3), 52(5), section 55, subsections 58(3), 64(1), 64(2), 65(2), 70(4), 72(7), section 76, subsections 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), section 80, subsections 85(7), 86(3), section 110 and subsection 115(1) of the Act and any offence prescribed under any rules made in exercise of the powers conferred by sections 75 and 88 of the Act, are prescribed as offences which may be compounded by the Dato Bandar in accordance with paragraph 120(1)(c) of the Act.

Payment of compound

4. (1) If an offer to compound is made and accepted by the person to whom the offer is made, the person shall make payment to or in the name of the Chief Police Officer, Commissioner of Police or any police officer not below the rank of Inspector authorized in writing in that behalf by name or by office by the Minister charged with the responsibility for the police, the Director General or Director or any road transport officer specially authorized in writing by name or by office in that behalf by the Director General, or the Dato Bandar, as the case may be, either by—

- (a) cash;
- (b) money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft; or
- (c) credit card or any other electronic fund transfers.

(2) A receipt shall be issued for every payment received under subrule (1) to the person to whom the offer to compound is made.

(3) A receipt issued for the purpose of subrule (2) shall include any electronic receipt issued if the payment made through credit card or other electronic fund transfers.

Form offer to compound traffic offences

5. The form offer to compound of traffic offences contained in the Schedule to these Rules may be used for the purpose indicated by its content but no deviation from such form shall invalidate or affect the legality of any composition made so far as the deviation has no substantial effect and is not calculated misled.

Revocation

6. The Road Traffic (Compounding of Offences) Rules, 1959 [*L.N. 178/1959*] and the Road Traffic (City of Kuala Lumpur) (Compounding of Offences) Rules 1977 [*P.U. (A) 170/1977*] are revoked.

SCHEDULE

BORANG (*FORM*)
[kaedah 5 (*rule 5*)]

KERAJAAN MALAYSIA (*GOVERNMENT OF MALAYSIA*)

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (*ROAD TRANSPORT ACT 1987*)

TAWARAN MENKOMPANAKAN KESALAHAN LALU LINTAS
(*OFFER TO COMPOUND TRAFFIC OFFENCES*)

Suatu aduan telah dibuat terhadap anda sebagai pemunya berdaftar/pemandu (*) kenderaan motor yang nombor pendaftaran semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dengan butiran yang berikut:

(A complaint has been made against you as the registered owner/driver() of the motor vehicle bearing the registration number reasonably suspected of having committed an offence(s) under the Road Transport Act 1987 [Act 333] or any rules made under it with the following particulars):*

No. notis:
(Notice no.):

Pejabat/Balai:
(Office/Station):

Tarikh/Masa dikeluarkan:
(Date/Time issued):

Tempat kesalahan:
(Place of offence):

Tarikh/Masa kesalahan:
(Date/Time of offence):

Jenis/Nombor Pendaftaran Kenderaan Motor:
(Type/Motor Vehicle Registration Number):

Nombor Lesen Kenderaan Motor:
(Motor Vehicle Licence Number):

Jenis kesalahan (Type of offence(s))	Seksyen/Kaedah (Section/Rule)	Tawaran kompaun (Offer to compound)
(1)		
(2)		
(3)		

2. Kompaun maksima bagi setiap kesalahan yang boleh dikenakan ialah RM300.00. Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah perenggan 120(1)(...) Akta Pengangkutan Jalan 1987, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan yang tersebut dengan jumlah yang dinyatakan di atas.

(The maximum compound for each offence is RM300.00. In exercise of the powers conferred under paragraph 120(1)(...) of the Road Transport Act 1987, I hereby offer to compound the offence(s) with the amount as stated above).

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, pembayaran dikehendaki dibuat kepada atau atas nama** sama ada secara—

*(If the offer is accepted, payment should be made to or in the name of ** either by)—*

(a) tunai di mana-mana; atau
(in cash to any); or

(b) kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank; atau
(money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft); or

(c) kad kredit atau pemindahan pembayaran secara elektronik yang lain.
(credit card or other electronic fund transfers).

4. Tawaran ini berkuat kuasa sehingga Sekiranya tiada jawapan diterima selepas tarikh ini, tindakan saman akan diambil.

(This offer remains in force until If there is no response after this date, proceedings by summons will be instituted).

.....
(tanda tangan pegawai dan jawapan)

*potong yang tidak berkenaan
(delete whichever is inapplicable)

(**)

Made 8 April 2003
[KP/BD/PJ/0.109/6; PN(PU²)460/XXXIX]

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK
Minister of Transport

P.U.(A) 132/2003

P.U. (A) 132.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENKOMPANAN KESALAHAN) 2003

PEMBETULAN

DALAM Jadual kepada P.U. (A) 103 yang disiarkan pada 14 April 2003, gantikan perkataan "jawapan" yang terdapat di baris keenam perenggan 4 dengan perkataan "jawatan".

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2003

CORRIGENDUM

In the Schedule to P.U. (A) 103 published on 14 April 2003, substitute for the word "jawapan" appearing in the sixth line of paragraph 4 the word "jawatan".

[PN(PU³)460/XXXIX]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

P.U.(A) 237/2012

P.U. (A) 237.**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987****KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN)
(PINDAAN) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 120(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) (Pindaan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 10 Ogos 2012.

Pindaan kaedah 3

2. Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) 2003 [P.U. (A) 103/2003], dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subkaedah (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “29(4),” perkataan “40(1),”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “69(1A),” dengan perkataan “69(1B),”; dan

(b) dalam subkaedah (2)—

- (i) dengan memotong perkataan “14(4),”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “20(3),” perkataan “21(5),”;
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “29(4),” perkataan “40(1),”;
- (iv) dengan memasukkan selepas perkataan “58(3),” perkataan “seksyen 58A, subseksyen”;
- (v) dengan memotong perkataan “63(1),”;
- (vi) dengan memasukkan selepas perkataan “66D(3),” perkataan “seksyen 66H, subseksyen 69(1B),”;
- (vii) dengan memotong perkataan “69(1A),”; dan
- (viii) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 110” perkataan “, seksyen 114”.

Dibuat 24 Julai 2012

[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(PU³)460/LXVII]

DATO' SERI KONG CHIO HA
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987
ROAD TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(AMENDMENT) RULES 2012

In exercise of the powers conferred by subsection 120(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Compounding of Offences) (Amendment) Rules 2012**.

(2) These Rules come into operation on 10 August 2012.

Amendment of rule 3

2. The Road Transport (Compounding of Offences) Rules 2003 [P.U. (A) 103/2003], are amended in rule 3—

(a) in subrule (1)—

- (i) by inserting after the words “29(4),” the words “40(1),”; and
- (ii) by substituting for the words “69(1A),” the words “69(1B),”; and

(b) in subrule (2)—

- (i) by deleting the words “14(4).”;
- (ii) by inserting after the words “20(3),” the words “21(5),”;
- (iii) by inserting after the words “29(4),” the words “40(1),”;
- (iv) by inserting after the words “58(3),” the words “section 58A, subsection”;
- (v) by deleting the words “63(1),”;
- (vi) by inserting after the words “66D(3),” the words “section 66H, subsection 69(1B),”;
- (vii) by deleting the words “69(1A),”; and
- (viii) by inserting after the words “section 110” the words “, section 114”.

Made 24 July 2012
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(PU²)460/LXVII]

DATO' SERI KONG CHO HA
Minister of Transport

Hakcipta Pencetak (II)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disinipai di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

P.U.(A) 335/2012

P.U. (A) 335.**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987****KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENGKOMPANAN KESALAHAN)
(PINDAAN) (No. 2) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 120(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) (Pindaan) (No. 2) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 17 Oktober 2012.

Pindaan kaedah 3

2. Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) 2003 [*P.U. (A) 103/2003*] dipinda dalam kaedah 3—

- (a) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan “76,” perkataan “76A,”;
- (b) dalam subkaedah (2), dengan memasukkan selepas perkataan “70(4),” perkataan “seksyen 76A, subseksyen 79(1), 79(2),”; dan
- (c) dalam subkaedah (3), dengan memasukkan selepas perkataan “76,” perkataan “76A,”.

Dibuat 11 Oktober 2012
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(PU²)460/LXVIII]

DATO' SERI KONG CHO HA
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987**ROAD TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES) (AMENDMENT)
(No. 2) RULES 2012**

IN exercise of the powers conferred by subsection 120(2) of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Compounding of Offences) (Amendment) (No. 2) Rules 2012**.

(2) These Rules come into operation on 17 October 2012.

Amendment of rule 3

2. The Road Transport (Compounding of Offences) Rules 2003 [*P.U. (A) 103/2003*] are amended in rule 3—

- (a) in subrule (1), by inserting after the words “76,” the words “76A,”;
- (b) in subrule (2), by inserting after the words “70(4),” the words “section 76A, subsection 79(1), 79(2),”; and
- (c) in subrule (3), by inserting after the words “76,” the words “76A,”.

Made 11 October 2012
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(PU²)460/LXVIII]

DATO' SERI KONG CHO HA
Minister of Transport

Hakeipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

P.U.(A) 78/2019

P.U. (A) 78.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**KAEDAH-KAEDAH PENGANGKUTAN JALAN (PENGKOMPANAN KESALAHAN)
(PINDAAN) 2019**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 120(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) (Pindaan) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2019.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompunan Kesalahan) 2003 [*P.U. (A) 103/2003*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2 dengan memotong takrif “pemindahan wang secara elektronik”.

Pindaan kaedah 3

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “seksyen 47, 48, subseksyen” dengan perkataan “seksyen 47, subseksyen 48(1),”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “76A, subseksyen” dengan perkataan “subseksyen 76A(4),”;
- (iii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kaedah” dengan perkataan “kaedah-kaedah”;

(b) dalam subkaedah (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “21(5),” perkataan “23(1),”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “seksyen 47, 48, subseksyen” dengan perkataan “seksyen 47, subseksyen 48(1),”;
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “64(2),” perkataan “65(2),”;
- (iv) dengan menggantikan perkataan “seksyen 76A, subseksyen” dengan perkataan “76A(4),”;
- (v) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kaedah” dengan perkataan “kaedah-kaedah”;

(c) dalam subkaedah (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “seksyen 48, subseksyen” dengan perkataan “subseksyen 48(1), 49(2)”;
- (ii) dengan memotong perkataan “52(5),”;
- (iii) dengan menggantikan perkataan “76A, subseksyen” dengan perkataan “subseksyen 76A(4),”;
- (iv) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “kaedah” dengan perkataan “kaedah-kaedah”;

(d) dengan memasukkan selepas subkaedah 3 subkaedah yang berikut:

“(4) Kesalahan-kesalahan di bawah subseksyen 48(1), 49(2), 50(1), 50(2), 50(3), seksyen 55, subseksyen 58(3), 65(2), 70(4), 72(7), seksyen 76, subseksyen 76A(4), 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), seksyen 80, subseksyen 85(7), 86(3), seksyen 110 dan subseksyen 115(1) Akta dan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di bawah

mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 75 dan 88 Akta, ditetapkan sebagai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaunkan oleh Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran atau mana-mana pegawai Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran, masing-masingnya, menurut perenggan 120(1)(cb) Akta”;

(e) dengan memasukkan selepas subkaedah 4 subkaedah yang berikut:

“(5) Tiada kesalahan yang disebut dalam subkaedah (1), (2), (3) dan (4) boleh dikompaun kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.”.

Pindaan kaedah 4

4. Subkaedah 4(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Dato Bandar Kuala Lumpur,” dengan perkataan “Dato Bandar, Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Dato Bandar,” dengan perkataan “Dato Bandar, the Mayor of a City Council, the President of a Municipal Council or the Chairman of a Municipal Council”.

Dibuat 14 Mac 2019

[KP/BD/PJ/0.109/32JLD.2(32); PN(PU2)460/C]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES) (AMENDMENT) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 120(2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Road Transport (Compounding of Offences) (Amendment) Rules 2019**.

(2) These Rules come into operation on 15 March 2019.

Amendment of rule 2

2. The Road Transport (Compounding of Offences) Rules 2003 [*P.U.(A) 103/2003*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2 by deleting the definition of “electronic fund transfers”.

Amendment of rule 3

3. Rule 3 of the principal Rules is amended—

(a) in subrule (1)—

- (i) by substituting for the words “sections 47, 48, subsections” the words “section 47, subsections 48(1),”;
- (ii) by substituting for the words “76A, subsections” the words “subsections 76A(4),”;
- (iii) in the national language text, by substituting for the word “kaedah” the words “kaedah-kaedah”;

(b) in subrule (2)—

- (i) by inserting after the words “21(5),” the words “23(1),”;
- (ii) by substituting for the words “sections 47, 48, subsections” the words “section 47, subsections 48(1),”;
- (iii) by inserting after the words “64(2),” the words “65(2),”;
- (iv) by substituting for the words “sections 76A, subsections” the words “76A(4),”;
- (v) in the national language text, by substituting for the word “kaedah” the words “kaedah-kaedah”;

(c) in subrule (3)—

- (i) by substituting for the words “section 48, subsections” the words “subsections 48(1), 49(2)”;
- (ii) by deleting the words “52(5),”;
- (iii) by substituting for the words “76A, subsections” the words “subsections 76A(4),”;
- (iv) in the national language text, by substituting for the word “kaedah” the words “kaedah-kaedah”;

(d) by inserting after subrule (3) the following subrule:

“(4) The offences under subsections 48(1), 49(2), 50(1), 50(2), 50(3), section 55, subsections 58(3), 65(2), 70(4), 72(7), section 76, subsections 76A(4), 77(11), 77(12), 79(1), 79(2), section 80, subsections 85(7), 86(3), section 110 and subsection 115(1) of the Act and any offence prescribed under any rules made in exercise of the powers conferred by sections 75 and 88 of the Act, are prescribed as offences which may be compounded by the Mayor of a City Council, the President of a Municipal Council or the Chairman of a Municipal Council or any officer of the City Council or the Municipal Council specially authorized in writing by name or by office in that behalf by the Mayor of the City Council, the President of the Municipal Council or the Chairman of the Municipal Council, respectively, in accordance with paragraph 120(1)(cb) of the Act.”;

(e) by inserting after subrule (4) the following subrule:

“(5) No offences referred to in subrules (1), (2), (3) and (4) may be compounded except by or with the written consent of the Public Prosecutor.”.

Amendment of rule 4

4. Subrule 4(1) of the principal Rules is amended—

- (a) in the national language text, by substituting for the words “Dato Bandar Kuala Lumpur,” the words “Dato Bandar, Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran”; and
- (b) in the English language text, by substituting for the words “Dato Bandar,” the words “Dato Bandar, the Mayor of a City Council, the President of a Municipal Council or the Chairman of a Municipal Council”.

Made 14 March 2019

[KP/BD/PJ/0.109/32JLD.2(32); PN(PU2)460/C]

LOKE SIEW FOOK
Minister of Transport